


8 PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU MENGENAI PELAN PERLINDUNGAN BERSEPADU



1 60% daripada warga Singapura mempunyai pelan insurans swasta dalam bentuk Pelan Perlindungan Bersepadu



AIA HealthShield Gold Max



Aviva MyShield



Great Eastern SupremeHealth




NTUC Income IncomeShield




Prudential PruShield

2

Jika anda mempunyai salah satu daripada pelan di atas, anda mempunyai Pelan Perlindungan Bersepadu



3 Jika anda mempunyai Pelan Perlindungan Bersepadu, anda sudah pun memiliki MediShield hari ini



4 MediShield Hayat akan menggantikan bahagian MediShield dalam Pelan Perlindungan Bersepadu anda secara automatik pada hujung 2015



5 MediShield Hayat akan melindungi anda bagi penyakit yang anda hidapi ketika ini, walaupun ia tidak disertakan oleh syarikat insurans swasta anda



6 Memandangkan Pelan Perlindungan Bersepadu memberi perlindungan tambahan, premiumnya lebih tinggi daripada MediShield Hayat



7 Semua Warga dan Penduduk Tetap Singapura akan menerima subsidi untuk bahagian MediShield Hayat dalam Pelan Perlindungan Bersepadu mereka, jika mereka memenuhi kriteria kelayakan

8 Pertimbangkan dua soalan ini jika anda tertanya-tanya apa yang anda harus lakukan dengan Pelan Perlindungan Bersepadu anda atau sama ada anda harus membelinya:

- Adakah anda ingin menginap di wad swasta dan memilih doktor anda sendiri?
- Mampukah anda membayar premium Pelan Perlindungan Bersepadu anda pada jangka panjang?

'Rider' bukanlah sebahagian daripada Pelan Perlindungan Bersepadu. Ia adalah polisi-polisi tambahan berasingan yang dijual oleh syarikat insurans untuk menampung bahagian 'deductible' (jumlah yang perlu dibayar oleh pesakit terlebih dahulu sebelum bayaran MediShield berkuatkuasa) dan insurans bersama bagi insurans hospital anda.